

Headline **Lelaki sesat dalam hutan FRIM**  
Date **04 Dec 2010**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **2**  
Article Size **119 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,422**  
PRValue **10,266**



## Lelaki sesat dalam hutan FRIM

**K**UALA LUMPUR: Seorang lelaki yang berpengalaman mendaki lebih enam tahun dipercayai sesat dalam hutan Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM), petang kelmarin.

Phan Chun Kiat, 33, menghubungi isterinya, Loke Mee Kin, 33, kerana gagal mencari jalan keluar akibat hujan lebat.

Mangsa memasuki hutan pada jam 4.30 petang sebelum menghubungi isterinya pada jam 7 malam meminta bantuan.

Menurut Loke, suaminya menghubungi dirinya beberapa kali kerana ketakutan.

"Kali terakhir suami menghantar SMS memberitahu dia mendengar bunyi siren, tetapi tidak dapat menghampiri bunyi itu kerana keadaan gelap. Setelah itu, SMS saya tidak lagi berbalas kerana saya percaya telefon bimbitnya kehabisan bateri," katanya.

Mee Kin berkata, sua-



**PHAN...sesat**

minya bekerja di kedai alat ganti kereta dan sering mendaki di kawasan itu sejak enam tahun lalu.

Sehingga lewat malam tadi, tiga jentera bomba dihantar bagi gerakan mencari dan menyelamatkan mangsa yang masih gagal ditemui.

Malah, beberapa Orang Asli yang tinggal berhampiran turut membantu mencari mangsa.